

DATE: 10/6/2010

Meneliti zaman kanak-kanak dan remaja Dr. Mahathir juga sangat menarik. Kita mahu melihat bagaimana zaman itu mempengaruhi serta membentuk keperbadiannya menjadi pemimpin ulung
- SITI ROHAYAH ATTAN

BARISAN tenaga produksi Muzikal Tun Mahathir bergambar kenangan bersama Dr. Mahathir Mohamad. Berdiri dari kiri Jamal Bab, Hamzah Tahir, Ismail Kassan, Pak Ngah, Mohamed Juhari, Siti Rohayah dan Sharlina Alias. Turut serta Rosminah Tahir (duduk, kanan).



Berkongsi 'rahsia' Dr. Mahathir

UM - 10/6/2010.

Oleh SAHARUDIN MUSTHAFA
saharudin.musthafa@utusan.com.my

SEMAKIN dekat tarikh pentas Muzikal Tun Mahathir (MTM), debaran semakin dirasakan oleh kalangan mereka yang terlibat secara langsung dalam persembahan tersebut.

Selain mengenal pasti pelakon berwibawa, kemantapan dan fakta cerita yang akan disajikan mesti berdasarkan fakta benar.

Apatah lagi teater ini akan mencatat sejarah teater pertama di Malaysia yang mementaskan tokoh yang masih hidup.

Sebelum ini tokoh-tokoh yang ditampilkan dipentaskan sudah meninggal dunia seperti Dato' Onn, Tun Abdul Razak, Tun Sambathan, Tun Tan Cheng Lock dan Ibu Zain.

Kali ini Panggung Sari Istana Budaya menampilkan tokoh yang bukan sembarangan, tetapi mantan Perdana Menteri Malaysia keempat yang juga tokoh terbilang, negarawan yang disanjung seluruh negara dan dunia Islam, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Justeru, sebelum membuka tirai panggung pada 24 September hingga 4 Oktober depan, 'delegasi' MTM membuat kunjungan hormat menemui negarawan terulung itu di Yayasan Kepimpinan Perdana Putrajaya, baru-baru ini.

Antara yang hadir pada pertemuan bersama Dr. Mahathir Mohamad tersebut ialah Ketua Pengarah Istana Budaya, Mohamed Juhari Shaarani, Penerbit Eksekutif MTM, Siti Rohayah Attan dan Pengarah MTM, Rosminah Mohd Tahir.

Tidak ketinggalan penulis skrip naskah berkenaan, Ismail Kassan, Pengarah Muzik MTM, Datuk Suhaimi Mohd. Zain @ Pak Ngah, Pengarah Multi Media, Jamal Bab, Sinografer,

Hamzah Tahir dan Pengurus Produksi MTM, Sharlina Alias.

Kunjungan selama sejam itu bertujuan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Mahathir kerana memberi izin kepada Istana Budaya, CTRA Production dan Persatuan Penulis Wanita Malaysia (PPWM) kerana memberi keizinan untuk mementaskannya.

Di samping itu, peluang yang terbuka itu juga digunakan untuk 'mencungkil' beberapa rahsia Dr. Mahathir bagi memantapkan lagi jalan cerita teater muzikal tersebut.

Menurut Siti Rohayah, banyak perkara yang diberitahu Dr. Mahathir yang tidak diketahui ramai, malah tidak tertulis dalam mana-mana buku sebelum ini.

"Inilah perkara-perkara yang kami ingin tahu kerana jika bercerita tentang sumbangan Dr. Mahathir terhadap negara, semua orang telah mengetahuinya.

"Dalam pertemuan itu, kita mahu mencungkil sisi lain yang menarik tentang tokoh yang kita kagumi ini.

Antaranya ialah perkara yang paling menakutkan hidupnya bukan saja sebagai manusia biasa tetapi juga sebagai Perdana Menteri," kata Siti Rohayah berkongsi pengalaman bertemu Dr. Mahathir baru-baru ini.

Rombongan itu turut tertarik dengan kisah percintaan yang tercetus antara Dr. Mahathir dan Tun Dr. Siti Hasmah ketika mereka sama-sama menuntut di Singapura hingga ke gerbang perkahwinan.

Antara insiden yang 'didedahkan' tokoh itu ialah taktik yang digunakan oleh Dr. Mahathir ketika mengurati Dr. Siti Hasmah.

Sudah pasti babak yang menarik akan ditampilkan dipentas ialah bagaimana kisah percintaan zaman itu berlaku dan saat-saat romantik itu menjadi sejarah yang tidak mungkin terkikis daripada kehidupan mereka.

"Meneliti zaman kanak-kanak dan remaja Dr. Mahathir juga sangat menarik. Kita mahu melihat bagaimana zaman itu mempengaruhi serta membentuk keperbadiannya

menjadi pemimpin ulung.

"Sejak zaman kanak-kanak Dr. Mahathir suka kepada ilmu dan suka membaca apatah lagi didorong oleh Ibu bapa dan persekitarannya yang mahu bangsa Melayu itu berjaya," tegas Siti Rohayah yang telah merancang menerbitkan teater ini sejak dua tahun lalu.

Mengakui tidak mungkin boleh bercerita keseluruhan hidup Dr. Mahathir dalam tempoh dua jam, sudah pasti persembahan itu memberikan 'ringkasan' hidup Dr. Mahathir yang mantap.

Justeru, ia akan diterjemahkan bukan saja dalam bentuk dialog tetapi juga melalui nyanyian dan tarian serta gerak yang mempunyai signifikannya yang tersendiri.

Bagi teater yang berbajet RM2 juta ini, sudah pasti gandingan mereka yang terkenal dalam bidang seni di negara ini diperlukan.

Di sinilah pengagum Dr. Mahathir dikumpulkn seperti Pak Ngah) yang bertindak sebagai Pengarah Muzik

manakala isterinya, Datin Sharifah Mahani Syed Kasim dan Anthony Meh dari Dua Space bertindak sebagai Koreografer.

Bagi pendukung watak pula persetujuan telah diperolehi daripada beberapa pelakon yang telah disenaraikan seperti Aaron Aziz, Esma Daniel, Zizan Nin, Erra Fazira, Erma Fatima,

Datin Paduka Umie Aida dan Datuk Jalaluddin Hassan.

Mereka akan dibantu oleh lebih 100 pelakon lain termasuklah mereka yang telah menempah nama dalam bidang seni Diana Johor, Farah Asyikin, Zaibo, Eyzendy Aziz dan Mazlan Tahir.



BAGI yang ingin keterangan lanjut mengenai teater ini boleh layari www.muzikaltun-mahathir.blogspot.com. Tiket-tiket yang dijual untuk pentas ini berharga antara RM30 hingga RM150.

ANTARA artis dan peminat teater yang berjaya dalam uji bakat Muzikal Tun Mahathir yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini.